

# Pemecatan Zaki perlihatkan kezaliman Pas — Dr. M

UM 7 JAN 2002

**P**ORT DICKSON 31 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemecatan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati), Prof. Dr. Mohd. Zaki Abdul Muin kerana mengingkari arahan berhubung pemberian wang ihsan hanya mem-perlihatkan kezaliman ke-tara kerajaan Pas itu.

Menurut Perdana Menteri, walhal jika Kerajaan Pusat mengambil tindakan serupa ke atas penyokong Pas, ia akan dituduh berlaku kejam dan zalim.

Sedangkan, kata beliau, ramai penyokong Pas dalam kekajaan dan belot, tidak diambil tindakan.

Malah, mereka masih dibayar gaji dan terus berkhidmat dalam kerajaan.

"Tetapi bila dia (Kerajaan Pas Terengganu) diberi kuasa, tidak ada belas kasihan langsung dan ada peluang sahaja buang dan cantas orang. Itulah kezaliman Pas. Ambil orang bekerja, kemudian buang

sewenang-wenangnya tanpa ada perbincangan atau surat tunjuk sebab," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan upacara perbarisan Tamat Latihan Rekrut Pengambilan Be-147 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat Port Dickson (Pusasda) di sini hari ini.

Beliau mengulas pemecatan Dr. Mohd. Zaki yang antara lain dikaitkan dengan keengganan Tati memulangkan semula wang yang diterima terus dari-

pada Kementerian Pendidikan kepada kerajaan negeri.

Selain Tati, Pusat turut menyalurkan peruntukan secara terus kepada 13 institusi lam termasuk Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan sekolah-sekolah agama negeri.

Difahamkan, dalam tempoh dua tahun ini, Tati menerima empat kali peruntukan wang ihsan dan peruntukan bagi kali ketiga dan keempat berjumlah RM7.2 juta.

Mengulas dakwaan ada wang ihsan yang disalurkan kepada institusi di Terengganu turut diserahkan kepada kerajaan negeri, Dr. Mahathir berkata, ia menunjukkan Pas dalam keadaan tertekan.

"Mereka terpaksa menyerah (wang ihsan) kepada kerajaan negeri dan orang yang mengambil wang itu kita tidak halalkan, ia haram. Bukan kita bagi kepadanya," tegasnya.

Menjawab soalan lam,

Dr. Mahathir berkata, beliau belum menerima senarai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Perlis.

Mengulas mengenai pandangannya mengenai tahun 2001, Perdana Menteri berkata, tahun itu banyak masalah.

"Saya fikir tidak akan ada tahun lain semacam 2001 dan saya harap tahun 2002 lebih baiklah bagi semua termasuk pemberita dan akhbar," katanya.